



SANTUNI ASNAF MELALUI KEMPEN DIGITALPERAK QASEH AIDILFITRI 2020

**WARGA KERJA DIGITALPERAK MENZAHIRKAN KEPRIHATINAN TERHADAP
GOLONGAN ASNAF UNTUK MENGHARUNGI HARI LEBARAN YANG BAKAL TIBA**

KAMPAR, MEI 22, 2020 - Digital Perak Turut ditemani bersama, Ketua Perak Corporation Holdings Pegawai Eksekutif Digital Perak, (DigitalPerak) mendekati

golongan asnaf di sekitar kawasan ADUN Tualang Sekah, di sini hari ini.

Serahan sumbangan tersebut kepada 35 orang asnaf telah disampaikan oleh Pegawai Khas ADUN Tualang Sekah mewakili YB Dato' Nolee Ashilin Binti Dato' Mohd Radzi, ADUN Tualang

Sekah dan juga Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Pengangkutan Awam, Pelancongan Dan Memangku Portfolio Komunikasi Dan Multimedia Negeri Perak, Pn. Jamilah Binti Osman, di Pejabat ADUN Tualang Sekah.

Encik Meor Rezal Fitri bin Dato' Dr. Hj. Meor Redwan.

Melalui kempen ini, setiap orang asnaf telah menerima sumbangan berupa barangan keperluan asas Hari Raya Aidilfitri seperti beras pulut, nasi impit dan kuah kacang, santan kotak, biskut raya dan minuman kordial yang bernilai RM50.

Kempen ini bertujuan untuk mengurangkan beban keperluan asas hari lebaran terutamanya mereka yang kehilangan sumber pendapatan akibat pandemik Covid-19 serta tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) yang agak lama.



DIGITAL PERAK MENSASARKAN SERAMAI 50 ORANG ASNAF YANG AKAN DIBERIKAN BANTUAN INI TERMASUK RUMAH-RUMAH ANAK YATIM DI KAWASAN MERU RAYA YANG TELAH DIKENAL PASTI OLEH PIHAK MAJLIS AGAMA ISLAM DAN ADAT MELAYU PERAK (MAIPK).